

SINOPSIS.

Rasūlullāh (s.a.w.) telah meninggalkan kepada kita satu peninggalan yang amat bernilai iaitu al-Hadīth di mana ia ia menjadi bekalan dan panduan kepada seluruh umat manusia dalam mencari keredaan Allāh (s.w.t.) dalam kehidupan sehari-hari.

Walaupun pada asalnya hadīth hadīth ini tidak dibukukan sebagaimana ilmu pengetahuan yang terdapat dizaman kini kerana larangan dari Rasūlullāh (s.a.w.), tetapi ia tersimpan dalam hafalan para sahabat dan keluarga baginda, dan melalui cara inilah tersebarluhnya hadīth di kalangan umat Islam seluruhnya.

Di antara para para perawi hadīth dari kalangan keluarga baginda ialah Hafṣah Bint' Umar al-Khattāb iaitu salah seorang dari isteri isteri baginda. Di dalam kajian ini akan dibentangkan semua hadīth hadīth riwayat beliau sebagaimana yang terdapat di dalam Sunan Sittah menurut buku تَحَاوِيْرُ الْمُرَايِّنَ . Untuk mengetahui secara mendalam tentang kajian ini oloklah ditinjau dari bab ke bab.

Dalam bab pertama diutarakan tentang kepentingan hadīth dan Sunnat di dalam Shariat Islam, di mana diterangkan tentang pengertian hadīth dan sunnat dari sudut bahasa dan istilah serta perbezaan di antara keduanya, pembahagian hadīth

dan hubungan diantara hadīth dan al-Qur'ān.

Di dalam bab kedua pula dibentangkan tentang riwayat hidup Hafṣah Bint 'Umar al-Khaṭṭāb dari awal kelahirannya, perkahwinannya, ketidupannya selepas Rasūlullāh (s.a.w.) kehidupannya selepas kewafatan ayahnya, hadīth hadīth riwayat beliau dan kewafatannya.

Manakala di bab ketiga pula ia itu bab Takhrij Hadīth hadīth riwayat Hafṣah Bint 'Umar di dalam Sunan Sittah, di mana dibincangkan tentang pengertian takhrij dari sudut bahasa dan istilah serta kepentingannya. Di dalam bab ini diuraikan tentang hadīth hadīth riwayat Hafṣah (r.a.) yang meliputi tentang bav, Kitab dan sanad bagi setiap hadīth berpandukan buku

Di bab ke empat ia itu bab terakhir di dalam kajian ini ia itu bab Intisari Hadīth Hadīth Riwayat Hafṣah Di dalam Sunan Sittah Dan Muwatta' Imam Mālik, diterjemahkan setiap hadīth riwayat beliau dan dipetik hukum yang terdapat di dalamnya dengan dibahagikan menurut pembahagian pokok yang meliputi 'Akidah, Ibadat, Mu'amalat dan diikuti dengan pembahagian yang lebih kecil bagi setiap perbincangan pokok.

Kajian ini diakhiri dengan penutup dan baruan di mana

ia mengandungi temuan temuan baru yang didapati oleh penulis
serta sebab sebab kepada kajian di bidang ini.